

Kerajaan belum bersedia semak gaji kakitangan awam

Kalau ikut apa yang
Cuepacs mahu ia akan
menyebabkan kerajaan
mengeluarkan wang
tambahan RM6 billion
tidak termasuk lagi
pencen |

ABDULLAH
AHMAD
BADAWI
Perdana
Menteri

Oleh ROZAMAN ISMAIL dan HABIBAH OMAR

P U T R A J A Y A 28 Sept. - Kerajaan belum bersedia pada masa ini untuk mengkaji semakan gaji kakitangan awam kumpulan sokongan termasuk gaji anggota polis sebagaimana yang diminta oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs).

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, ini kerana ia melibatkan perbelanjaan wang tambahan yang begitu besar.

Beliau berkata, kerajaan perlu mengambil kira kemampuan kewangan sebelum melaksanakannya kerana kerajaan juga perlu memikirkan Pembangunan sektor-sektor lain.

Katanya, kerajaan tidak boleh memberi alasan tidak mempunyai wang lagi untuk melaksanakan projek-projek pembangunan hanya kerana semua wang tersebut sudah disalurkan kepada pembayaran gaji kakitangan awam.

"Kalau semakan gaji kakitangan awam terpaksa dilakukan, ia akan melibatkan wang tambahan jauh lebih tinggi.

"Kalau ikut apa yang Cuepacs mahu baru-baru ini ia akan menyebabkan kerajaan mengeluarkan wang tambahan sebanyak RM6 billion tidak termasuk lagi pencen.

"Bila berlaku semakan gaji, ia akan diikuti dengan semakan pencen. Pencen bukan satu perkara kecil bagi negara kita, maka jumlah wang, tambahan akan meningkat lagilah kalau ia melibatkan pencen," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada para pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan dan Gaji Pekerja-Pekerja Sektor Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di sini hari ini.

Mempertimbangkan

Perdana Menteri ditanya mengenai desakan Cuepacs yang mahu kerajaan mempertimbangkan dengan serius kenaikan gaji kakitangan awam kumpulan sokongan dan rendah berikutan kenaikan kos sara hidup pada masa ini.

Abdullah berkata, walaupun sudah lama tidak melakukan semakan gaji tetapi kerajaan telah melaksanakan pelarasan gaji sebanyak lima kali sejak tahun 1992.

Beliau berkata, kakitangan awam juga menikmati tambahan gaji mengikut peratusan tertentu seperti 10 peratus pada tahun 2000 dan 2002.

Kata Perdana Menteri, kerajaan juga meluluskan pelbagai elaun serta insentif lain yang diberikan mengikut masa dan keperluan khususrya kepada kakitangan yang melakukan tugas yang berat, berisiko tinggi, bahaya dan kritikal selain Elaun Kos Sara Hidup (COLA) dan bonus untuk kakitangan awam.

"Jadi dari segi pendapatan dalam bentuk gaji sudah tentu berlaku penambahan sejak sekian lama dan kakitangan awam menikmati gaji yang lebih hasil daripada pelarasan ini," katanya.

Mengenai gaji polis pula Abdullah berkata, meskipun pada waktu ini gaji perkhidmatan berkenaan agak kecil tetapi jika diambil kira dengan pelbagai elaun yang diterima jumlahnya jauh lebih tinggi daripada apa yang diperoleh oleh pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam untuk kategori-kategori tertentu.